



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MEMAHAMI MAKNA KUALITI PERKAHWINAN MELAYU DARI
PERSPEKTIF PAKAR DI MALAYSIA***

FADHULLAH BIN MOHD FADIL

FEM 2017 31



**MEMAHAMI MAKNA KUALITI PERKAHWINAN MELAYU DARI
PERSPEKTIF PAKAR DI MALAYSIA**

Oleh

FADHULLAH BIN MOHD FADIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah
Master Sains**

April 2017

HAKCIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Copyright © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

MEMAHAMI MAKNA KUALITI PERKAHWINAN MELAYU DARI PERSPEKTIF PAKAR DI MALAYSIA

Oleh

FADHULLAH BIN MOHD FADIL

April 2017

Pengerusi : Profesor Madya Rumaya Juhari, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk memahami pandangan individu Melayu Muslim di Malaysia berkaitan kualiti perkahwinan dan meneliti indikator-indikator kualiti perkahwinan dalam kehidupan seharian mereka. Kajian seumpama ini adalah penting bagi memahami indikator yang mempengaruhi kualiti perkahwinan yang berjaya kerana kemerosotan dan keruntuhan institusi perkahwinan kini semakin meningkat dan membawa kepada masalah dalam perkahwinan seterusnya mengakibatkan perceraian.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data dimana, seramai lapan orang pakar terdiri daripada ahli agama dan akademik telah dipilih untuk di temubual. Temubual dijalankan dengan menggunakan temubual separa struktur. Setiap temubual yang dijalankan telah dirakam, ditulis dan dianalisis mengikut tema yang direncanakan. Kaedah jejak audit dan semakan rakan telah digunakan dalam meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian.

Hasil dapatan menunjukkan, pakar melihat kualiti perkahwinan ini dari definisi yang berbeza melalui kepakaran dan pengalaman masing masing. Indikator-indikator yang berkaitan dengan hubungan interpersonal, intrapersonal, keagamaan, tanggungjawab dan seksualiti telah dibincangkan dengan kritikal. Kesemua pakar bersetuju bahawa indikator kepercayaan (Amalan agama) adalah paling penting dalam menunjukkan kualiti perkahwinan melalui perjalanan perkahwinan mereka. Mereka melihat amalan keagamaan seperti solat berjemaah dan makan bersama adalah penting dalam memelihara perkahwinan yang baik. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa konsep kualiti perkahwinan boleh menjadi multi-dimensi di mana keagamaan adalah indikator teras. Kesimpulannya hasil kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang kualiti perkahwinan, indikator-indikator utama yang lain termasuklah personaliti (Sikap dan nilai); tanggungjawab (Pengurusan keluarga); komunikasi (Interaksi kasih sayang dan keintiman); hubungan kekeluargaan (Kemasyarakatan).



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**UNDERSTANDING THE MEANING OF MALAY MARITAL QUALITY
FROM THE PERSPECTIVE OF EXPERTS IN MALAYSIA**

By

FADHULLAH BIN MOHD FADIL

April 2017

Chairman : Associate Professor Rumaya Juhari, PhD
Faculty : Human Ecology

This study aim to understand the views of the Malay Muslim individuals in Malaysia about marital quality and to explore the indicators of marital quality from Malay Muslim perspective through their daily lives. This study is important for understanding the indicators that affect the quality of a successful marriage because of the deterioration and collapse of the marital institution is rising, and led to the disintegration thus resulting in divorce.

This study used a qualitative approach to obtain data in which, a total of eight members of religious and academic experts were selected to be as informants. Interviews were conducted using semi structure interviews. Each interview conducted was recorded, transcribed and analyzed thematically. Audit trail and peer review have been used to improve the reliability and validity of the data.

The results indicated that the experts viewed the marital quality from various definitions depending on their expertise and experiences. Indicators which are related to interpersonal relationships, intrapersonal, religiosity, and sexuality have been discussed critically. Most experts agreed that religious belief and practice are the most important indicators in demonstrating marital quality throughout their marital journey. They see religious practices such as praying and eating together are important in preserving good marriage. The findings showed that the concept of marital quality can be multi-dimensional in which religion is the core indicator. In conclusion, the results of the study provides insights into marital quality, other indicators including personality

(Attitudes and values); responsibility (Family management); communication
(Affection and intimacy); family relationship (Society)



PENGHARGAAN

Alhamdulillahahirabbil 'Aalamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan hidayahnya, penyelidik dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Selawat dan salam juga kepada junjungan besar nabi besar Muhammad SAW.

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penyelia iaitu Prof. Madya. Dr. Rumaya Juhari dan Dr. Siti Nor Yaacob atas bimbingan, tunjuk ajar, kritikan dan kesabaran serta pengertian mereka dalam menggalakkan saya sepanjang penyelesaian projek ini. Terima kasih juga dirakamkan kepada Prof. Dr. Mansor Abu Talib dan Prof. Madya. Dr. Steven Eric Krauss @ Abdul Lateef Abdullah yang telah banyak memberi semangat, sokongan dan ilmu yang amat saya hargai.

Tidak lupa ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada keluarga, terutama ibu, adik beradik dan keluarga terdekat atas sokongan, dorongan, kesabaran serta doa yang diberikan. Terima kasih yang tulus juga kepada semua rakan seperjuangan, rakan projek dan juga rakan yang sentiasa ada dalam memberi semangat dan nasihat. Saya mengharapkan semoga Allah SWT membalas kebaikan kepada semua pihak yang memberikan bantuan dalam menjayakan tesis ini. Amin.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rumaya Binti Juhari, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Siti Nor Binti Yaacob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Professor dan Dekan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Fadhullah Bin Mohd Fadil, GS28097

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Rumaya Binti Juhari

Tandatangan _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Siti Nor Binti Yaacob

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Soalan Kajian:	4
	1.4 Kepentingan kajian	4
	1.5 Limitasi Kajian	6
2	SOROTAN LITERATUR	7
	2.1 Pengenalan	7
	2.2 Definisi Kualiti Perkahwinan	7
	2.3 Teori dalam perkahwinan	8
	2.4 Perkahwinan Islam	10
	2.5 Perkahwinan Melayu Muslim di Malaysia	11
	2.6 Keunikan pasangan dan petua kejayaan perkahwinan	13
	2.7 Interaksi personaliti positif	14
	2.8 Pengurusan keluarga, kewangan dan kepuasan kerja	15
	2.9 Interaksi, kesefahaman dan hubungan seksual	17
	2.10 Ibu bapa, saudara mara dan masyarakat sekeliling	19
	2.11 Kerohanian	21
	2.12 Rumusan	23
3	METODOLOGI	24
	3.1 Pengenalan	24
	3.2 Pendekatan kualitatif	24
	3.2.1 Sampel Kajian	25
	3.2.2 Instrumentasi	26
	3.2.3 Pengumpulan data, analisis dan lokasi kajian	26
	3.3 Temubual secara mendalam	27
	3.3.1 Temubual separa struktur	28
	3.3.2 Penganalisaan semasa kerja lapangan	28
	3.3.3 Penganalisaan selepas kajian lapangan dan pendekatan analisis manual kualitatif	29
	3.3.4 Kemunculan Tema	30

3.4	Kesahan dan kebolehpercayaan	31
3.5	Etika dan Isu	33
3.5.1	Penambahbaikan kualiti dan kredibiliti analisis	34
3.5.2	Sensitiviti dalam temubual	35
3.5.3	Pengalaman penyelidikan	36
3.6	Rumusan	36
4	PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN	37
4.1	Pengenalan	37
4.2	Apakah maksud yang difahami oleh pasangan Melayu Muslim terhadap kualiti perkahwinan?	37
4.2.1	Hubungan dua hala antara pasangan	41
4.2.2	Penyelesaian konflik hubungan rumahtangga	42
4.3	Bagaimanakah individu Melayu Muslim membina kualiti perkahwinan yang baik?	45
4.3.1	Personaliti (Sikap dan nilai)	45
4.3.1.1	Bantu membantu dalam perhubungan	47
4.3.1.2	Cemburu	49
4.3.2	Tanggungjawab (Pengurusan keluarga)	52
4.3.2.1	Kerjasama	54
4.3.2.2	Konsep redha	56
4.3.3	Komunikasi (Interaksi kasih sayang dan keintiman)	57
4.3.3.1	Kesefahaman antara pasangan	59
4.3.3.2	Hubungan intim dan ciri romantik	60
4.3.4	Hubungan kekeluargaan (Kemasyarakatan)	63
4.3.4.1	Bimbingan orang tua	64
4.3.4.2	Kejiranan	65
4.3.4.3	Ambil berat	67
4.3.5	Kepercayaan (Amalan agama)	69
4.3.5.1	Solat jemaah	71
4.3.5.2	Peranan suami	72
4.4	Bagaimanakah individu Melayu Muslim mengekalkan kualiti perhubungan dari segi amalan dan resipi kualiti perkahwinan?	77
4.4.1	Makan Bersama	77
4.4.2	Masa bersama	78
4.4.3	Berbincang	79
4.4.4	Komitmen	81
4.4.5	Hormat	82
4.4.6	Saling memahami, percaya dan sabar	83
4.5	Rumusan	86
5	KESIMPULAN, LIMITASI DAN CADANGAN	87
5.1	Pengenalan	87
5.2	Kesimpulan Kajian dan Hasil Dapatan	87

5.3	Limitasi dan Cadangan Kajian Masa Hadapan	89
5.4	Implikasi dan Cadangan	90

BIBLIOGRAFI	94
LAMPIRAN	116
BIODATA PELAJAR	135



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Tema maksud kualiti perkahwinan Melayu Muslim secara ringkas	44
2 Tema yang menunjukkan kualiti perkahwinan Melayu Muslim secara ringkas	75
3 Tema yang menunjukkan amalan kualiti perkahwinan Melayu Muslim secara ringkas	85

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Surat Jemputan	116
B Surat Persetujuan	117
C Borang Akuan Penerimaan Wang	118
D Borang Soalan	119
E Transkrip/Verbatim	122
F Contoh Analisis Pakar	125
G Borang Perlantikan Panel Audit Tail	130
H Laporan Jejak Audit	131
I Soal Selidik Kesahan Kandungan	134

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkahwinan merupakan aspek penting kepada pembentukan keluarga sebagai unit asas dan tunjang sesebuah masyarakat. Perkahwinan juga adalah hubungan sah antara dua orang yang diiktirafkan oleh pihak berkuasa sivil dan/atau diikat oleh kepercayaan agama masing masing. Secara definisinya, ianya hampir sama mengikut teori, cuma yang membezakannya adalah secara praktikal mengikut budaya, adat, pegangan oleh pelbagai bangsa di seluruh dunia. Di Malaysia, perkahwinan bagi individu Melayu Muslim adalah lebih terarah kepada definisi yang dianjurkan oleh agama Islam itu sendiri mengikut Al-Quran dan sunnah. Perkahwinan dalam Islam adalah lebih daripada ikatan janji dan penyatuan dua individu, ianya bukanlah gabungan eksklusif antara lelaki dan wanita sahaja tetapi ia juga termasuk dua set hubungan kekeluargaan yang berlanjutan (Hodge, 2007). Tujuan perkahwinan antaranya, membina rasa cinta dan sayang, keturunan yang sah, ketenangan (sakinah), keperluan seksual dan psikologi serta alam keibubapaan.

Kualiti perkahwinan ialah satu aspek penting dalam kehidupan keluarga yang mampu membentuk kesihatan dan kesejahteraan. Daripada faktor-faktor sosial yang dikaitkan dengan kesihatan mental dan fizikal, kualiti perkahwinan adalah antara yang paling penting (Myers, 2000; Parker, 2010). Kualiti perkahwinan yang tinggi dikaitkan dengan kurang kemurungan (Williams, 2003), kesihatan yang lebih baik (Umberson, et al., 2006), peranan jantina dan kepuasan kerja (Anar, 2011), kepuasan perkahwinan dan kepuasan hidup (Celik dan Tumkaya, 2012) dan lain-lain hasil positif (Ross, Mirowsky and Goldsteen, 1990). Menurut kajian lepas mengenai kualiti perkahwinan, terdapat pelbagai konsep yang digunakan oleh penyelidik seperti kepuasan perkahwinan, kebahagiaan perkahwinan, kestabilan perkahwinan, dan pelarasan perkahwinan digunakan untuk merujuk kualiti perkahwinan. Walau bagaimanapun, para penyelidik tidak mempunyai kata sepakat mengenai cara untuk menentukan konsep-konsep ini (Civan, 2011). Selain itu, kualiti perkahwinan dipengaruhi oleh pelbagai aspek, termasuk bagaimana pasangan bertindak balas terhadap tekanan dan mencapai persefahaman. Seperti yang kita semua tahu, tekanan tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian dan cara pasangan menangani tekanan memainkan peranan penting dalam kualiti perkahwinan. Bodenmann et al. (2011) menyatakan bahawa perhatian terhadap peranan dyadic dalam menangani stress perkahwinan kini secara meluas dikaji dalam penyelidikan perkahwinan dan keluarga dalam dua dekad yang lalu. Fenomena ini menunjukkan petanda baik dalam meneroka pada peringkat

pasangan berbanding individu kerana peringkat pasangan bersifat bebas. Herzberg (2013) melaporkan bahawa peranan dyadic adalah pengaruh yang lebih besar terhadap kualiti perkahwinan berbanding dengan menanganinya secara individu. Banyak penyelidikan telah mengakui kepentingan kualiti perkahwinan dan memberi tumpuan kepada faktor-faktor individu, interpersonal dan makro yang mungkin mempengaruhi kualiti perkahwinan. Bukan itu sahaja, bahkan dalam konteks ini juga, keharmonian antara kedua-dua pasangan yang berlainan adalah penting untuk mengekalkan perkahwinan yang sihat yang merupakan sumber kebahagiaan dalam masyarakat dan antara individu (Kansız dan Arkar, 2011). Ianya selaras dengan penyelidikan yang akan dijalankan dimana penyelidik ingin meneroka dan memahami kualiti perkahwinan dari perspektif Melayu Muslim di Malaysia.

Kepentingan meneliti dan memahami pelbagai konteks pembangunan keluarga dan faktor yang mempengaruhi kualiti perkahwinan akan dibincangkan dalam kajian ini. Isu seperti keagamaan, tanggungjawab, nilai, kepercayaan dan kejujuran, perluhan cinta dan kasih sayang akan diterokai secara terperinci. Secara teorinya, terdapat banyak faktor yang sering dikenal pasti sebagai indikator kepada perkahwinan yang baik, seterusnya menghalang keruntuhan rumah tangga. Ia juga diakui bahawa kepuasan perkahwinan dilihat daripada perkahwinan individu dalam meningkatkan pelbagai aspek kehidupan yang sihat. Perkahwinan berkualiti ditakrifkan sebagai kepuasan yang tinggi dengan hubungan, terutamanya sikap positif terhadap pasangan dan tahap rendah kelakuan negatif (Robbles, 2013). Lewis dan Spanier (1979) mencadangkan kualiti perkahwinan sebagai peramal tunggal terbesar kestabilan perkahwinan, di mana ia dianggap sebagai satu proses yang berlaku dalam hubungan perkahwinan, manakala kestabilan perkahwinan adalah hasilnya.

Malaysia merupakan sebuah negara pelbagai kaum namun di dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kajian kepada perkahwinan Melayu Muslim sahaja. Perkahwinan Melayu Muslim rata ratanya adalah sama walau di mana sahaja kerana ianya berlandaskan agama, namun kualiti perkahwinan boleh menjadi berbeza melalui budaya dan adat yang dimiliki sesuatu negara. Ini dapat dilihat, menurut Bill dan Melinda (2002), struktur keluarga tradisional Asia Tenggara adalah lebih pelbagai, antaranya penduduk Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, dan Vietnam, pasangan biasanya bebas untuk memilih kediaman mereka sendiri, dan suami adalah lebih dominan dalam menentukan hala tuju perkahwinan. Sehubungan itu, kualiti perkahwinan yang tinggi biasanya ditakrifkan melalui kepuasan yang tinggi terhadap hubungan, sikap positif, dan tahap rendah tingkah laku yang negatif. Kualiti perkahwinan yang rendah dicirikan oleh kepuasan yang rendah, sikap negatif terhadap pasangan, dan tahap tingkah laku yang negatif (Robles, Slatcher, Trombello, dan McGinn, 2013). Terdapat persetujuan yang meluas bahawa kualiti perkahwinan secara ringkas adalah

faktor yang baik dan kekurangan faktor buruk dari aspek perkahwinan. Walau bagaimanapun, terdapat juga persetujuan dimana aspek perkahwinan adalah ciri teladan yang berkaitan dengan aspek baik dan buruk sekaligus. Namun tidak ada satu ukuran standard kualiti perkahwinan digunakan di semua kajian (Bradbury, Fincham dan Beach, 2000).

Secara kesimpulannya, dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran deskriptif kualiti perkahwinan Melayu Muslim dan bagaimana mereka membina kualiti perkahwinan yang baik. Ia adalah cabaran untuk menghasilkan versi Melayu Muslim dalam menilai sama ada perbezaan agama dan sosio-budaya mungkin mempunyai kesan yang berbeza pada hubungan perkahwinan di negara ini.

1.2 Penyataan Masalah

Sejak beberapa dekad yang lalu, kes perceraian telah meningkat dengan ketara di Malaysia dan telah menjadi isu kebimbangan utama negara. Di Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melaporkan tentang tuntutan kes perceraian yang meningkat pada setiap tahun. Pada tahun 2012 sebanyak 16422 kes telah dilaporkan, seterusnya 17982 kes pada tahun 2013, diikuti 20655 kes pada tahun 2014, dan sebanyak 22071 kes perceraian pada tahun 2015. Kes ini menunjukkan Negeri Selangor merupakan negeri yang menunjukkan kes perceraian yang paling tinggi berbanding negeri negeri lain di Malaysia. Bagi kalangan umat Islam, Jabatan Perangkaan Malaysia (2013) menunjukkan 7622 kes perceraian telah didaftarkan di Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur pada tahun 2012. Hasil laporan menunjukkan kes perceraian di Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur merupakan yang tertinggi di negara ini. Perhatian yang berterusan dalam keluarga Melayu Islam telah membawa beberapa penyelidik memberi komen tentang ketidakseimbangan keluarga bermasalah ini dan seterusnya mereka telah menyatakan kebimbangan mengenai insiden perceraian yang tinggi dalam masyarakat (Razak, 2008, SweeHock, 1988).

Sebab dan punca-punca kemerosotan dan keruntuhan institusi perkahwinan telah membawa kepada perdebatan yang kritikal di kalangan penyelidik, ulama dan penggubal dasar. Sebahagian penyelidik mengatakan bahawa kurangnya keprihatinan kerajaan untuk menjaga kedaulatan perkahwinan itu sendiri manakala yang lain menyalahkan pengaruh globalisasi bagi perpecahan hubungan kekeluargaan dan nilai-nilainya. Harun (2004), percaya bahawa nilai-nilai perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Melayu hari ini terhakis akibat perubahan sosial yang pesat dan pengaruh barat yang meresap melalui media. Kesan mudarat daripada kegagalan perkahwinan bukan sahaja terhadap individu tetapi kepada ahli keluarga yang lain. Individu yang tidak berpuas hati dengan perkahwinannya akan

cenderung untuk tertekan (Miller et al., 2013), mengalami risiko ketidakstabilan perkahwinan dan perceraian (Bahareh Zare, Rohany, Khairul Anwar, dan Azlan, 2011) dan juga berkait dengan rendah kualiti hidup dan kepuasan kerja (Ng, Loy, Gudmunson, & Cheong, 2009; Rohany & Sakdiah, 2010; Rozmi, Wan Shahrazad, Fatimah dan Azlan, 2011).

Rentetan dari hal di atas, ramai penyelidik menyimpulkan bahawa pasangan berkahwin ini tidak memahami erti perkahwinan antaranya menurut Foad (2005), salah satu sebab kegagalan ini dilihat oleh beberapa ulama dan penyelidik adalah berkaitan dengan cara yang kompleks kita memahami dan mentafsirkan perkahwinan yang baik dan gembira. Malah kini takrif keluarga bahagia begitu aneh dan hanya berdasarkan persepsi individu (Dain, 2005; Said 2004). Berdasarkan hujah di atas, dan sebagai hasil daripada limitasi kontemporari dalam memahami apakah yang membentuk kualiti yang tinggi dan perkahwinan bahagia di Malaysia, ia dianggap perlu bahawa setiap pasangan tahu dan faham erti perkahwinan supaya ia boleh membantu dalam memperkayakan perkahwinan di kalangan Melayu Islam di Malaysia.

Menurut Rahim (2006) tanpa kerjasama yang baik, sokongan dan persefahaman yang diberi oleh suami terhadap isteri yang bekerja, maka tekanan psikologi serta emosi yang akan di hadapi oleh isteri bekerja akan menimbulkan masalah dalam hubungan dan pengurusan keluarga. Oleh hal yang demikian, terdapat pelbagai faktor yang dapat dilihat secara kasarnya melalui isu yang dibawa kini. Oleh demikian penyelidik berminat untuk mengkaji dan memahami kualiti perkahwinan Melayu Muslim pada masa kini serta amalan yang menjadi tunjang utama dalam kebahagiaan rumahtangga. Tambahan pula, maklumat atau hasil penyelidik ini mungkin dapat membantu pasangan keluarga memperolehi pengetahuan disamping dapat menambahbaik kualiti perkahwinan yang sedia ada.

1.3 Soalan Kajian:

1. Apakah maksud yang difahami oleh individu Melayu Muslim tentang kualiti perkahwinan?
2. Bagaimanakah individu Melayu Muslim membina kualiti perkahwinan yang baik?
3. Bagaimanakah individu Melayu Muslim mengekalkan kualiti perhubungan dari segi amalan atau resipi kualiti perkahwinan?

1.4 Kepentingan kajian

Textor (1989) menyimpulkan bahawa kajian empirikal dalam pelbagai bidang atau disiplin tentang keluarga "sihat" masih kurang dan seterusnya, pengetahuan kita mengenai subjek ini adalah terhad. Kajian terhadap

kualiti perkahwinan dan terma yang berkaitan dengannya kini telah menjadi lebih ketara di dunia barat, manakala terdapat sangat sedikit kajian yang dijalankan di Asia atau di kalangan pelbagai kumpulan Asia (Bulanda dan Brown, 2007: Shen, 2005). Malah pencarian untuk penyelidikan di Asia dalam pangkalan data yang sedia ada di seluruh dunia adalah satu pengalaman yang mengecewakan dan mendukacitakan. Apa yang menjadi sangat jelas bahawa kajian penyelidikan berhubung dengan hubungan pasangan dan kualiti perkahwinan di kalangan pasangan Melayu Islam di Malaysia hampir tidak jelas. Jones (1994) menegaskan bahawa penyelidikan perkahwinan orang Islam masih lagi kurang di rantau Asia Tenggara, terutamanya di kawasan-kawasan persisiran. Penyelidikan ini dapat memberi beberapa sumbangan dan kepentingan kepada isu semasa mengenai perkahwinan dan hubungan yang sihat dan berkualiti. Pertama sekali, kajian ini dapat menambah pengetahuan yang sedia ada dan wacana intelektual tentang perkahwinan dan perhubungan di Malaysia.

Bowen dan Kilpatrick (1995) melaporkan keperluan untuk menjalankan penyelidikan dan penilaian yang berterusan dalam hubungan pasangan dan perkahwinan harus disesuaikan dengan keperluan klien, responsif terhadap masalah yang diberikan, dan sensitif kepada pengaruh konteks yang memaklumkan tentang interaksi dan transaksi pasangan. Adalah diharapkan bahawa keputusan dan analisis daripada kajian ini akan diekstrapolasi dan digunakan dalam penyelidikan seterusnya membantu untuk memahami kualiti perkahwinan di negara-negara Asia yang lain yang berkongsi ciri-ciri budaya dan keluarga.

Walaupun kajian lepas banyak mengkaji mengenai kualiti perkahwinan, namun kebanyakan penyelidikan tertumpu kepada keluarga barat, dengan pemahaman yang kurang terhadap masyarakat lain (Pimentel, 2000). Perkembangan meluas di dalam pemahaman tentang kualiti perkahwinan adalah penting jika matlamat dasar untuk menyokong perkahwinan dan tidak menggalakkan perceraian merupakan matlamat yang perlu di capai. Karney dan Bradbury (1995) menegaskan bahawa pemahaman tentang bagaimana perkahwinan berkembang dan perubahannya adalah amat penting kerana ia boleh menyumbang kepada pencegahan dan rawatan terhadap keruntuhan rumahtangga. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor kekuatan yang dilihat dalam hubungan perkahwinan. Sumbangan faktor-faktor yang dikenal pasti dalam perhubungan yang sihat dan lama bertahan boleh menyediakan beberapa idea atau hala tuju strategi dan campur tangan untuk memupuk hubungan yang lebih memuaskan. Kita tahu kesan-kesan yang buruk kepada masyarakat yang mengalami masalah perkahwinan: manfaatnya kepada pasangan yang berkualiti adalah dengan menyediakan justifikasi yang kukuh untuk kajian ini.

1.5 Limitasi Kajian

Terdapat banyak limitasi yang berpotensi dalam penyelidikan kualitatif mengikut kajian lepas (Crotty, 1998; Denzin dan Lincoln, 2003; Liamputtong dan Ezzy 2005; Aroni, Timewell dan Alexander, 1995; Punch 2004). Limitasi ini umumnya dikaitkan dengan faktor-faktor seperti generalisasi hasil penemuan. Dalam bab ini, penyelidik mengenal pasti beberapa limitasi dan pada masa yang sama penyelidik memberi beberapa cadangan untuk penyelidikan masa depan yang mungkin berguna.

Sampel kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan dimana temubual dijalankan bersama individu terpilih berdasarkan kepakaran mereka. Namun demikian, ianya mampu untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang dinamik perkahwinan berkualiti sekiranya temubual dijalankan bersama pasangan suami isteri.

Kajian ini juga terhad dengan menemubual individu Melayu Muslim di Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, ada kemungkinan kajian dapat meneroka lebih lanjut kepada Melayu Muslim di negara negara lain. Selain itu, kajian ini juga tidak membuat perbandingan antara pelbagai etnik lain yang juga beragama di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- „Ati, H.A.A. (1977). The family structure in Islam. Indianapolis, Indiana: American Trust Publications.
- Abd Rahim, A.R. (2004). Family institution Challenges in facing new millennium. In N.F.D.S 2004 (Ed.), 29-30 May 2004. Faculty of Education, Universiti Malaya: Universiti Malaya Centre for Family Development.
- Abdul Razak Abdul Manaf (2011) : Understanding Quality of Marriage among Malays. International Journal of Humanities and Social Science Vol. 1 No. 4; April 2011.
- Adena M. Galinsky and Linda J. Waite (2014) Sexual Activity and Psychological Health As Mediators of the Relationship Between Physical Health and Marital Quality J Gerontol B Psychol Sci Soc Sci 2014 : gbt165v1-gbt165.
- Allendorf k & Ghimire d (2012) Determinants of Marital Quality in an Arranged Marriage Society. Population Studies Center Research Report 12-758.
- Allen Kent Sabey (2012) Actions Speak Louder Than Beliefs: Compassionate Love as a Mediator of the Relationship between Religiosity and Marital Satisfaction. Master dissertation, Auburn University, 2012.
- Amato P. R (2011) Marital Quality in African American Marriages. National healthy marriage resource center.
- Amato, P. R. (2007). Studying marriage and commitment with survey data. In S. Hofferth & L. Casper (Eds.), Handbook of measurement issues in family research (pp. 35-51). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Amato, P.R., Johnson, D.R., Booth, A., Rogers, S.J. (2003). Continuity and change in marital quality between 1980 and 2000. Journal of Marriage and the Family 65, 1-22.
- Anar, B. (2011). Investigation of marital satisfaction and job satisfaction and working relationship with the gender roles of married adults. M.a.thesis. Adana Cukurova University.
- Arıcı, F. & Bilge, F. (2011). Gender Formation Scale (TCOON) be adapted to Turkish culture. XI. National Psychological Counseling and Guidance Congress, October 3-5, Istanbul. Audrey L. Schwartz (2012) Marital Quality,

Acculturation, and Communication in Mexican American Couples. All Graduate Theses and Dissertations. Paper 1048.

Axinn WG, Thornton A. (1992) The Relationship Between Cohabitation and Divorce: Selectivity or Causal Influence. *Demography*. 1992;29:357–74.

Azadarmaki, T., Zand, M., & Khazai, T. (2003). Ravande taghirate farhangi ejtemaiye khanevadehe Tehrani dart eye she nasl. [Social and cultural changes in family during three generations in Tehran]. *Faslnamehe Oloome Ensani Daneshgahe Alzahra*, 44-45, 1-24.

Bachand, L. & Caron, S. (2001). Ties that bind: A qualitative study of happy long-term marriages. *Contemporary Family Therapy*, 23, 105- 121.

Bahareh Zare, rohany Nasir, Khairul Anwar Mastor, & W.S. Wan Shahrazad. (2013). Personality Traits, the Risk of Divorce and Marital Satisfaction: An Intrapersonal Model. *Tje social Sciences*, 8(5), 466-472.

Banerjee, S., & Basu, J. (2014). Personality factors, attachment styles and coping strategies in couples with good and poor marital quality. *Psychol Stud* (January–March 2014) 59(1):59–67.

Banfield, S., & McCabe, M. (2001). Extra relationship involvement among women: Are they different from men? *Archives of Sexual Behavior*, 30, 119– 142.

Barelds, D.P.H., & Dijkstra, P. (2006). Reactive, anxious and possessive forms of jealousy and their relation to relationship quality among heterosexuals and homosexuals. *Journal of Homosexuality*, 51(3), 183–198.

Barnes, D. M. (1996). An analysis of the grounded theory method and the concept of culture. *Qualitative Health Research*, 6(3), 429-434.

Batool & Khalid (2012) : Emotional Intelligence: A Predictor Of Marital Quality In Pakistani Couples. *Pakistan Journal Of Psychological Research*, 2012, Vol. 27, No. 1, 65-88.

Bedeian, A. G., Burke, B. G., & Moffett, R. G. (1988). Outcomes of work-family conflict Among married male and female professionals. *Journal of Management*, 14 (3), 475-491.

Berg, B. L. (1989). *Qualitative research methods for the social sciences*. Needham Heights: Allyn and Bacon.

Berscheid, E., & Regan, P. (2005). *The psychology of interpersonal relationships*. New Jersey: Prentice Hall.

- Berkman, Glass, Brissette, & Seeman, 2000; Uchino, 2009) Uchino, B. N. (2009). Understanding the links between social support and physical health: A life-span perspective with emphasis on the separability of perceived and received support. *Perspectives on Psychological Science*, 4, 236 –255. doi:10.1111/j.1745-6924.2009.01122.x.
- Bill & Melinda Gates, (2002). *The Future of Population in Asia*. Published 2002 ISBN 0-866338-199-6.
- Bodenmann, g., Meuwly, N., & Kayser, K. (2011). Two Conceptualizations of Dyadic Coping and Their Potential for Predicting Relationship Quality and Individual Well-Being. *European Psychologist*, 16(4), 255-266. doi: 10.1027/1016-9040/a000068.
- Bogdan R. C. & Biklen S.K (1992) : Qualitative research method for education : An introduction to theory and methods (2nd ed). Bostons Allyn and Bacon.
- Boss, P. G.; Doherty, W. J.; LaRossa, R; Schumm, W. R.; and Steinmetz, S. K., eds. (1993). *Sourcebook of Family Theories and Methods: A Contextual Approach*. New York: Plenum.
- Bowen, G. L., & Kilpatrick, A. C (1995). Marriage/partners. In *National Association of Social Workers (Ed.), 19th Encyclopedia of Social Work (Vol. Volume 2, pp. 1663-1672): National Association of Social Workers Press*.
- Brackett, M. A., Warner, R. M., & Bosco, J. S. (2005). Emotional intelligence and quality of relationship among couples. *Personal Relationships*, 12, 197-212. Article retrieved from <http://www.blackwellsynergy.com/links/doi/10.1111/j.1350-4126.2005.00111.x>.
- Bradbury, T. N., Fincham, F. D., & Beach, S. R. (2000). Research on the nature and determinants of marital satisfaction: A decade in review. *Journal of Marriage and the Family*, 62, 964-980.
- Branden N. (1995) *The Six Pillars of Self-Esteem: The Definitive Work on Self-Esteem by the Leading Pioneer in the Field*. Book. Publisher: Bantam; Reprint edition.
- Bristow (2004) W. 100 tips to be happy together. Hauppauge, NY: Barrons Educational Series; 2004.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments in nature and design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.

- Bryman, A. (2001). *Social research methods*. New York: Oxford University Press.
- Bulanda, J.R., & Brown, S. L. (2007). Rac-ethnic differences in marital quality and divorce. *Social Science Research*, 36, 945-967.
- Burleson, B. R., & Denton, W. H. (1997). The relationship between communication skill and marital satisfaction: Some moderating effects. *Journal of Marriage and Family*, 59, 884-902.
- Call, V. & Heaton, T. (1997). Religious influence on marital stability. *Journal for the Scientific Study of Religion*, 36, 382- 392.
- Canary, D. J., Stafford, L., Hause, K.S., & Wallace, L.A. (1993). An inductive analysis of relational maintenance strategies: Comparisons among lovers, relatives, friends, and others. *Communication Research Reports*, 10(1), 5-14.
- Carson, J., Carson, K., Gil, K. & Baucom, D. (2004). Mindfulness-Based Relationship Enhancement. *Behavior Therapy*. 35, 3. 471 - 494.
- Cassepp-Borges, V., & Pasquali, L. (2012). National study of psychometric attributes of the Triangular Love Scale Sternberg. *Paideia (Ribeirão Preto)*, 22 (51), 21-31. doi: 10.1590 / S0103-863X2012000100004.
- Caughlin, J. P., & Vangelisti, A. L. (2006). Conflict in dating and marital relationships. In J. G. Oetzel & S. Ting-Toomey (Eds.), *Sage handbook of conflict communication: Integrating theory, research, and practice* (pp. 129-157). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Celik, M. & Tümkaya, S. (2012). Marital adjustment and relationships with business variables of life satisfaction of the instructor. *Ahi Kırsehir Faculty of Education University Journal (JKEF)*, 13 (1), 223-238.
- Chapman G. (1992) *The five love languages: How to express heartfelt commitment to your mate*. Chicago: Northfield; 1992.
- Charmaz, K. (2000). Grounded theory: Objectivist and constructivist methods. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (2 ed., pp. 509-536). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Christiano, Kevin. (2000). Religion and the Family in Modern American Culture. Pp. 43-78 in *Family, Religion, and Social Change in Diverse Societies*, edited by S. K. Houseknecht and J. G. Pankhurst. New York: Oxford.

Claxton, A. & Perry-Jenkins, M. (2008). No fun anymore: Leisure and marital quality across the transition to parenthood. *Journal of Marriage and Family*, 70(1), 28-43. DOI: 10.1111/j.1741-3737.2007.00459.x.

Claxton et al (2012) in their study on 125 heterosexual long-wed couples reported that conscientiousness is highly related with marital satisfaction of their respondents.

Claxton, A., O'Rourke, N., Smith, J. Z., & DeLongis, A. (2012). Personality traits and marital satisfaction within enduring relationships: An intra-couple discrepancy approach. *Journal of Social and Personal Relationships*, 29(3), 375-396. DOI: 10.1177/02654075114310183.

Civan, A. (2011). The relationship between marital quality perceived by sense of style expression and emotional awareness of the role of spouse. M.a.thesis. Mersin Mersin University.

Conger RD, Rueter MA, Elder GH., Jr Couple resilience to economic pressure. *Journal of Personality and Social Psychology*. 1999;76:54–71. [PubMed].

Coln, K. L., Jordan, S. S., & Mercer, S. H. (2012). A unified model exploring parenting practices as mediators of marital conflict and children's adjustment. *Child Psychiatry & Human Development*. doi: 10.1007/s10578-012-0336-8.

Corinne Reczek, Hui Liu, And Debra Umberson (2010) : Just The Two Of Us? How Parents Influence Adult Children's Marital Quality. Published In Final Edited Form As: *J Marriage Fam*. 2010 October ; 72(5): 1205–1219. Doi:10.1111/J.1741-3737.2010.00759.X.

Cutrona, C. E., Russell, D. W., Abraham, W. T., Gardner, K. A., Melby, J. N., Bryant, C., & Conger, R. D. (2003). Neighborhood Context and Financial Strain as Predictors of Marital Interaction and Marital Quality in African American Couples. *Personal Relationships*, 10(3), 389–409.

D. P. H. Barelds & P. Barelds-Dijkstra (2007) Relations between Different Types of Jealousy and Self and Partner Perceptions of Relationship Quality. *Clin. Psychol. Psychother.* 14, 176–188 (2007) DOI: 10.1002/cpp.

D. Schramm (2007). Dissertation abstract economic hardship, stressors, and marital quality among stepcouples: an examination of direct and indirect effects. PhD Thesis. Auburn University, Alabama.

- Dadds, M. R., Sheffield, J. K., & Holbeck, J. F. (1990). An examination of the differential relationship of marital discord to parents' discipline strategies for boys and girls. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 18 (2), 121-129. doi: 10.1007/BF00910725.
